

# Naib Canselor UMS dilantik sebagai Panel Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan

UB 7.8.2014 B2

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah merupakan salah seorang daripada 11 tokoh

yang dilantik sebagai panel Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) sesi 2014-2016 berkuatkuasa 1 Ogos lalu.

Watahah pelantikan

panel majlis berkenaan disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin di Putrajaya kelmarin.

Menurut Harun, pelantikan itu dianggap sebagai satu kepercayaan daripada pihak kementerian kepada kelompok komuniti pribumi Sabah dalam membantu meningkatkan

dasar pendidikan yang dilihat masih memerlukan tindakan praktikal.

“UMS akan berusaha untuk mengutarakan isu-isu berkaitan pendidikan di negeri Sabah agar tidak wujud jurang berbezaan khususnya dalam konteks kebangsaan,” katanya.

Beliau turut memberitahu bahawa jawatankuasa pemikir UMS sentiasa bersedia menyumbangkan idea demi memartabatkan bidang pendidikan di Malaysia.

“Di samping menyediakan kemudahan prasarana, adalah penting untuk kita melestarikan nilai patriotisme dengan memupuk kesedaran tanggungjawab aspirasi terhadap alam semulajadi,” katanya.

Pelantikan Harun itu sekaligus mengangkat imej UMS apatah lagi beliau merupakan satu-satunya naib canselor institusi pengajian tinggi awam yang dilantik dalam majlis berkenaan.



**TIMBALAN** Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersama Pengerusi Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad serta ahli MPPK yang baharu dilantik selepas menyerahkan watahah MPKK di Kementerian Pendidikan di Putrajaya pada Selasa. Turut hadir Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Mary Yap Kain Ching dan Timbalan Menteri Pendidikan II P Kamalanathan. Kelihatan Harun (belakang, tiga kanan). Gambar Bernama